



## KENYATAAN MEDIA

### PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM (SWCorp)

---

### KPKT LANCAR PROGRAM BRING YOUR OWN PERINGKAT KEMENTERIAN

---

**PUTRAJAYA, 17 OKTOBER 2023** - Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) menganjurkan Majlis Pelancaran *Program Bring Your Own* Peringkat Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT). Majlis ini disempurnakan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan bertempat di Lobi Kementerian.

YB Menteri KPKT memaklumkan bahawa tujuan pelaksanaan Program *Bring Your Own* adalah untuk meningkatkan kesedaran warga kerja KPKT khususnya dalam mengurangkan penggunaan beg plastik sekali guna dengan menggalakkan penggunaan beg guna semula. Pelaksanaannya selaras dengan pelan tindakan yang digariskan di dalam *Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics 2018-2030*, menyarankan semua Kementerian perlu memainkan peranan antara lain dengan mengadakan kempen-kempen seperti tiada lagi penggunaan produk-produk plastik *single use* di pejabat-pejabat kerajaan.

Untuk makluman, plastik sekali guna atau *single-use plastics* ialah produk yang dibuat sepenuhnya atau sebahagian daripada plastik dan tidak direka untuk melalui pelbagai kitaran hayat selepas masuk ke dalam pasaran. Plastik sekali guna mendominasi pasaran dan menjadi salah satu punca pencemaran yang paling membimbangkan.

Sebagai contoh, beg plastik tidak biodegradasi mengambil masa 20 hingga 30 tahun untuk terurai secara semula jadi. Manakala bekas polisterina, bekas makanan plastik dan pembungkus makanan plastik pula mengambil masa 50 hingga 80 tahun untuk diurai. Justeru, sekiranya sisa plastik tidak diurus dan ditangani dengan solusi yang sewajarnya dikhuatiri pencemaran alam akan menjadi lebih kritikal dan tidak terkawal.

Menurut YB Menteri KPKT, data kompendium pengurusan sisa pepejal tahun 2020 menunjukkan bahawa sebanyak 17,000 tan metrik atau 44.5% daripada komposisi sisa pepejal harian adalah sisa makanan. Justeru, KPKT melalui SWCorp telah memperkenalkan Kempen Hargai Makanan Elak Pembaziran atau *Value Food No Waste*. Kempen yang dilaksanakan sejak tahun 2015 ini adalah seiring dengan Kempen #Jangan Gunalah yang menumpu kepada pengurangan penggunaan plastik sekali guna. Beliau turut berkongsi tips sebagai panduan untuk membanteras pencemaran sisa plastik sekali guna dengan pelbagai langkah mudah seperti:

- i. Membawa beg guna semula sendiri ketika membeli-belah;
- ii. Tidak menggunakan perkakasan plastik sekali guna seperti sudu, garfu, dan penyedut minuman;
- iii. Membawa bekas makanan dan minuman sendiri seperti *tiffin* dan *tumbler* sebagai alternatif ketika membuat pembelian di premis makanan untuk dibawa pulang; dan
- iv. Kitar semula setiap produk plastik yang telah digunakan.

Sebagai pengisian program, SWCorp menganjurkan sesi libat urus bersama peniaga bazar membabitkan sebanyak 30 gerai. YB Menteri KPKT menyerahkan bekas makanan yang boleh diguna semula kepada pengunjung bazar. Bekas makanan yang diberikan dapat dimanfaatkan setiap kali berkunjung membeli-belah di bazar KPKT atau di mana-mana premis makanan yang bakal dikunjungi kelak.

Harapan Kementerian semoga usaha yang berterusan daripada semua pihak dapat memenuhi objektif pengurangan penggunaan plastik sekali guna dan

secara langsung akan turut menyumbang kepada sasaran 40 peratus kadar kitar semula kebangsaan menjelang tahun 2025.

.....

**TAMAT**

Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Korporat**

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)

Bertarikh : 15 Oktober 2023

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh hubungi:

**Sumatra a/p Appavoo**

Pengarah

Bahagian Korporat

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam

e-mel: [sumatra@swcorp.my](mailto:sumatra@swcorp.my)